

**PROGRAM NILAM DAN MINAT MEMBACA
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH
RENDAH DI DAERAH TAMPARULI**

ROMIE BOLIKU



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : Program NILAM dan Minat Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Di Daerah Tamparuli

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan)

SESI PENGAJIAN : 2005/2007

Saya, ROMIE BOLIKU, mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(Penulis: **ROMIE BOLIKU**)

Alamat:

TARIKH: 29 JUN 2007


NORAZLYNNE MOND. JOHAN @ JACKLYNE
PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(**TANDATANGAN PUSTAKAWAN**)


(**DR. HAJJAH NA'IMAH YUSOFF**)
Pensyarah
Sekolah Pendidikan dan
Pembangunan Sosial

TARIKH: 29 JUN 2007

CATATAN: @ Tesis yang dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau desertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satu saya jelaskan sumbernya.



ROMIE BOLIKU
PS05-006(K)-019
25 JUN 2007

Diterima dan disemak oleh penyelia penyelidikan dan diperakui sebagai memenuhi syarat kursus Sarjana Pengurusan Pendidikan bagi memperolehi Ijazah Sarjana Pengurusan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah.



Dr. Hajjah Na'imah Binti Yusoff

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Penghargaan

Syukur kepada Tuhan di atas berkat dan kurnia-Nya, desertasi ini akhirnya telah disempurnakan. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr. Hajjah Na'imah Yusoff di atas bimbingan, panduan, teguran, dan motivasi yang telah diberikan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Dr. Sabariah Sharif selaku penyelaras program atas tunjuk ajar dan sokongan sepanjang mengikuti pengajian sarjana ini. Penghargaan juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah SPPS yang pernah membimbing saya sepanjang pengajian ini.

Penghargaan dan rakaman terima kasih saya ucapkan kepada pihak sekolah yang memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan kepada semua rakan seperjuangan yang sudi memberi tunjuk ajar, pandangan dan sokongan semasa tempoh pengajian sarjana di Universiti Malaysia Sabah.

Akhir sekali, penghargaan yang paling istimewa ini ditujukan kepada isteri saya Ruby Lee Yen Loo, kerana doa, sokongan, pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan. Buat anak-anak yang dikasih, Areal Lee, Dareal, dan Jamuel, terima kasih kerana kamulah sumber inspirasi.

Terima kasih.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Romie Boliku
Sarjana Pengurusan Pendidikan
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah.

ABSTRAK

PROGRAM NILAM DAN MINAT MEMBACA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH DI DAERAH TAMARULI


Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan aktiviti galakan membaca NILAM yang dijalankan di sekolah rendah dan peranan guru dalam Program NILAM. Kajian ini juga mengenal pasti minat membaca dan penglibatan murid dalam aktiviti galakan membaca NILAM, hubungan minat membaca dengan penglibatan murid dalam aktiviti NILAM dan perbezaan penglibatan murid dalam aktiviti NILAM mengikut jenis sekolah. Sampel kajian ini terdiri daripada 34 orang guru dan 48 orang murid. Data dianalisis menggunakan Perisian SPSS versi 12.0. Analisis statistik yang digunakan ialah kekerapan, min dan sisihan piawai. Korelasi Pearson dan ujian-t digunakan untuk melihat hubungan dan perbezaan yang signifikan antara pembolehubah. Kekerapan aktiviti galakan membaca NILAM dijalankan di sekolah rendah adalah sederhana. Dapatan kajian menunjukkan peranan guru dalam aktiviti galakan membaca NILAM adalah tinggi. Manakala minat membaca murid juga adalah tinggi. Dapatan kajian ini mendapati penglibatan murid dalam aktiviti galakan membaca NILAM pada tahap sederhana. Terdapat hubungan yang signifikan antara minat membaca dengan penglibatan murid dalam aktiviti galakan membaca NILAM. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan penglibatan dalam kalangan murid sekolah rendah terhadap aktiviti galakan membaca NILAM mengikut jenis sekolah.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

NILAM PROGRAM AND READING INTEREST AMONG THE PRIMARY STUDENT IN TAMPARULI DISTRICT

The purpose of this study is to determine the frequency of encouragement of NILAM activity which carry out in primary school and role of teachers in NILAM Program. This study also to determine reading interest and student involvement in NILAM activity, a relationship between reading interest with student involvement in NILAM activity and the difference of the involvement primary student in NILAM activity according to type of school. The sample of this study consists of 34 teachers and 48 students. Data is being analysed by using Statistik Programme For Sosial Science (SPSS) version 12.0. Statistic analysed which used in this research are frequency, mean and standard deviation. Pearson correlation and t- test are used to identify on the significant relationship and difference between the variables. The frequency of encouragement of NILAM activity which is carried out in primary school is medium. This study also shows that the role of teacher in NILAM activity also high. Besides that, the involvement of the student in NILAM activity is medium. There is significant relationship between reading interest and the student involvement in NILAM activity. The study shows that there is no significant difference in the involvement of the primary student in NILAM activity according to type of school.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
IT	Teknologi Maklumat
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PPG	Pusat Perkembangan Guru
PSPN	Pusat Sumber Pendidikan Negeri
PSS	Pusat Sumber Sekolah
RP	Rakan Pembaca
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	Statistik Programme For Sosial Science

KANDUNGAN	MUKASURAT
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SINGKATAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI GRAF BAR	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	3
1.3	Penyataan Masalah	10
1.4	Tujuan Kajian	13
1.5	Objektif Kajian	13
1.6	Soalan Kajian	14
1.7	Hipotesis Kajian	15
1.8	Kepentingan Kajian	15
1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	NILAM	16
1.9.2	Minat	16
1.9.3	Guru Pelaksana	17
1.10	Batasan Kajian	17
1.11	Kesimpulan	18

BAB 2 SOROTON LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Teori	
2.2.1	Teori Tingkah Laku (Behavioris)	19
2.2.2	Teori Sikap	22
2.3	Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM)	24
2.4	Intervensi Dan Inovasi Pemupukan Budaya Membaca Melalui Pembacaan Ekstensif	29
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	32

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Lokasi, Populasi Dan Persampelan Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	35
3.4.1	Soal Selidik Guru Pelaksana	36
3.4.2	Soal Selidik Murid Tahun 6	37
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	37
3.6	Prosedur Pemerolehan Data	38
3.7	Analisis Data	39
3.8	Kesimpulan	41

BAB 4 ANALISIS DAPATAN HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	42
4.2	Prosedur Pengembalian Borang Soal Selidik	42
4.2.1	Pengembalian Borang Soal Selidik Guru	43
4.2.2	Pengembalian Borang Soal Selidik Murid Tahun 6	43
4.3	Statistik Deskriptif	44
4.3.1	Latar Belakang Responden	36
4.3.2	Kekerapan Aktiviti Galakan Membaca NILAM DiJalankan Di Sekolah Rendah	48
4.3.3	Peranan Guru Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM	53

4.3.4	Minat Membaca	56
4.3.5	Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM	59
4.4	Statistik Inferensi	
4.4.1	Hubungan Antara Penglibatan Terhadap Aktiviti Galakan Membaca NILAM Dengan Minat Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	61
4.4.2	Perbezaan penglibatan dalam kalangan murid sekolah rendah terhadap aktiviti galakan membaca NILAM mengikut jenis sekolah	62

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	64
5.2	Perbincangan	64
5.2.1	Kekerapan Aktiviti Galakan Membaca DiJalankan Di Sekolah Rendah	64
5.2.2	Peranan Guru Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM	66
5.2.3	Minat Membaca Murid	67
5.2.4	Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM	69
5.2.5	Hubungan Antara Penglibatan Terhadap Aktiviti Galakan Membaca NILAM Dengan Minat Membaca Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah	70
5.2.6	Perbezaan Penglibatan Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Terhadap Aktiviti Galakan Membaca NILAM Mengikut Jenis Sekolah	71
5.3	Cadangan	71
5.4	Rumusan	75
	BIBLIOGRAFI	76
	INSTRUMEN KAJIAN	82
	LAMPIRAN	92

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Sistem Pengiktirafan JAUHARI	5
Jadual 1.2	Sistem Pengiktirafan Rakan Pembaca (RP)	6
Jadual 2.1	Pencapaian Pelajar Dalam Program NILAM Tahun 2002	25
Jadual 3.1	Alpha Cronbach's Bagi Soal Selidik Pada Kajian Rintis	38
Jadual 3.2	Prosedur Pengumpulan Data	39
Jadual 3.3	Analisis Data Yang Digunakan Dalam Kajian	40
Jadual 3.4	Petunjuk Kekuatan Korelasi	41
Jadual 4.1	Pengembalian Borang Soal Selidik Guru Pelaksana	43
Jadual 4.2	Pengembalian Borang Soal Selidik Murid	43
Jadual 4.3	Bilangan Dan Peratusan Responden Guru Mengikut Jantina	44
Jadual 4.4	Bilangan Dan Peratusan Pengalaman Mengajar Responden Guru	45
Jadual 4.5	Bilangan Dan Peratusan Responden Guru Mengikut Sekolah	46
Jadual 4.6	Bilangan Dan Peratusan Responden Guru Mengikut Jawatan	46
Jadual 4.7	Bilangan Dan Peratusan Responden Murid Mengikut Jantina	47
Jadual 4.8	Bilangan Dan Peratusan Responden Murid Berdasarkan Jenis Sekolah	48
Jadual 4.9	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Kekerapan Aktiviti Galakan Membaca NILAM Yang Dijalankan Di Sekolah Rendah	48
Jadual 4.10	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Kekerapan Aktiviti Galakan Membaca Asas/Teras Yang Dijalankan Mengikut Jenis Sekolah	50
Jadual 4.11	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Kekerapan Aktiviti Pemupukan Membaca Yang Dijalankan Mengikut Jenis Sekolah	51

Jadual 4.12	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Kekerapan Aktiviti Bacaan Pengayaan Yang Dijalankan Mengikut Jenis Sekolah	52
Jadual 4.13	Min Dan Sisihan (s.p) Kekerapan Aktiviti Pengukuhan Tabiat Membaca Yang Dijalankan Mengikut Jenis Sekolah	52
Jadual 4.14	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Peranan Guru Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM	53
Jadual 4.15	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Peranan Guru Mengikut Jenis Sekolah	54
Jadual 4.16	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Peranan Guru Mengikut Jenis Jawatan	55
Jadual 4.17	Min dan Sisihan Piawai (s.p) Bagi Minat Membaca Murid	56
Jadual 4.18	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Minat Membaca Murid Mengikut Jenis Sekolah	56
Jadual 4.19	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Bagi Kesan, Sikap Dan Tabiat Membaca Murid Terhadap Aktiviti Membaca NILAM	57
Jadual 4.20	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Murid Merekod Buku Yang Dibaca Ke Dalam Buku Rekod Membaca NILAM	58
Jadual 4.21	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Minat Murid Mencapai Pengiktirafan NILAM	58
Jadual 4.22	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Minat Murid Mencapai Pengiktirafan Tahap Jauhari Dan Rakan Pembaca Mengikut Jenis Sekolah	59
Jadual 4.23	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM	60
Jadual 4.24	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM Mengikut Jenis Sekolah	60
Jadual 4.25	Min Dan Sisihan Piawai (s.p) Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Galakan Membaca Asas/Teras, Pemupukan, Pengayaan Dan Pengukuhan Tabiat Membaca	61
Jadual 4.26	Hubungan Bagi Minat Membaca Dan Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Galakan Membaca NILAM	62

Jadual 4.27 Ujian-t Bagi Penglibatan Murid Dalam Aktiviti Galakan
Membaca NILAM Mengikut Jenis Sekolah

63



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 2.1 Model Teori Pelaziman Operan Throndike	21
Rajah 2.2 Kerangka Konseptual Kajian	33



SENARAI GRAF BAR

Muka surat

Graf Bar 4.1	Bilangan Responden Guru Mengikut Jantina	45
Graf Bar 4.2	Peratusan Responden Murid Mengikut Jantina	47



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Muka surat

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 13/1998: Program Membina Tabiat Membaca 92



UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Cabaran terbesar dan yang utama kerajaan dalam menuju Wawasan 2020 ialah dengan melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat. Dalam era informasi atau Teknologi Maklumat (IT) ini, masyarakat Malaysia seharusnya memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan melalui pembacaan bagi menangani cabaran semasa. Ironisnya, sikap suka membaca dalam kalangan rakyat negara kita tidak berada pada tahap yang memuaskan (Waris Pendeta, 2006). Berdasarkan kepada perangkaan yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1996, purata membaca setiap orang rakyat Malaysia hanyalah dua halaman dalam masa setahun. Dapatan ini bukanlah sesuatu yang menjadi kebanggaan kerana hala tuju negara terarah mencapai wawasan 2020 yang sememangnya berteraskan teknologi maklumat. Akan tetapi masyarakat negara ini semakin jauh ketinggalan dalam pemikiran mereka (Shaharom TM Suliaman, 2006).

Kerajaan begitu mengambil berat berkaitan dengan tabiat membaca ini. Kerajaan telah membuka langkah yang lebih terancang dan sistematik bagaimana hendak menjadikan tabiat ini menjadi kenyataan. Oleh itu lahirlah beberapa program galakan membaca yang mana sasarannya ialah kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Antaranya, ialah **NILAM** atau **Program Nadi Ilmu Amalan Membaca** merupakan suatu program yang mengadunkan dan menggabungkan segala aktiviti membaca di sekolah dengan memberi pengiktirafan atau ganjaran. Aktiviti galakan membaca NILAM yang dimaksudkan ialah setiap buku yang dibaca oleh pelajar akan direkodkan dalam Buku Rekod Bacaan NILAM dan pada akhir persekolahan akan dijumlahkan serta diberi pengiktirafan. Dalam erti kata yang lain, aktiviti galakan membaca NILAM ini mengkhusus untuk mempupuk minat membaca dalam kalangan murid sekolah.

Program NILAM dan minat membaca saling berkait. Program NILAM wujud dengan tujuan untuk memupuk dan menyemai tabiat membaca di kalangan kanak-kanak dengan harapan sikap ini akan menjadi amalan sepanjang hayat.

Kesimpulannya, usaha murni kerajaan menanamkan budaya membaca di kalangan masyarakat bermula dari peringkat sekolah lagi, seperti Program NILAM yang lebih terancang dan sistematik. Membentuk suatu masyarakat yang mengamalkan gaya hidup membaca pada peringkat kanak-kanak lagi atau lebih tepat lagi di peringkat sekolah rendah sangatlah bertepatan seperti kata pepatah '*kalau melentur buluh biarlah dari rebungnyanya*'.

1.2 Latarbelakang Kajian

Bidang pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan dan membantu kerajaan meningkatkan ekonomi dan sosial negara sejak mencapai kemerdekaan 49 tahun yang lalu. Pembacaan, pendidikan dan ilmu adalah saling berkait antara satu dengan lain. Tidak dinafikan membaca merupakan satu sumber perolehan ilmu, baik membaca dari buku-buku ilmiah, majalah, surat khabar mahu pun media elektronik. Oleh itu langkah menjadikan amalan membaca sebagai budaya dalam masyarakat perlu dilihat sebagai agenda penting dalam usaha membentuk masyarakat berilmu.

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pelbagai program galakan membaca di sekolah-sekolah sejak dahulu lagi, misalannya Program Galakan Membaca 'Kanak-Kanak Dengan Pembacaan' (1979-1985) sempena Tahun Kanak- Kanak Antarabangsa 1979, Kempen Gerakan Membaca (1988 - 1992) sempena pengisytiharan Tahun Membaca 1988 oleh YAB Perdana Menteri, Program Bina Minda (1993 – 1997) (Fatimah Jusoh, 2003). Pelbagai program dan aktiviti membaca telah dan sedang dijalankan secara tidak seragam atau terasing di sekolah-sekolah. Oleh itu, satu keperluan untuk memperkenalkan satu program yang menggabungkan semua aktiviti membaca tersebut perlu diperkenalkan. Maka dengan itu lahirlah Program NILAM. Sebenarnya program NILAM tercetus melalui strategi dan pemantapan pusat sumber sekolah yang diusahakan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dengan mempelbagaikan peranan dan fungsi pusat sumber sekolah dibawah penyeliaan Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN).

Program NILAM adalah program yang terancang dan berterusan di semua sekolah di seluruh negara. Semua sekolah melalui pusat sumber sekolah akan melaksanakan segala aktiviti yang dirancang dalam Program NILAM secara berterusan dan di samping menggalakkan sekolah menggabungkan atau mewujudkan sub program yang baru mengikut kesesuaian dan kewajaran dari segi lokasi, saiz, dan kemudahan pada peringkat sekolah masing-masing. Dalam Program NILAM, bilangan buku yang dibaca oleh murid akan direkodkan dan memberi ganjaran kepada murid yang terbanyak membaca buku. Aishah Mohd. Zahir (1998), menyatakan rekod bacaan murid, sistem pemarkahan dan ganjaran yang digalakkan diselaras dan dikelolakan secara berpusat.

Program NILAM merupakan satu program formal yang terkini dalam usaha ke arah membina tabiat membaca sepanjang hayat. Program NILAM merupakan penggabungan atau adunan semua aktiviti galakan membaca yang dijalankan di sekolah-sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai kepada murid yang berjaya mengikuti program ini. Program NILAM adalah suatu program pembacaan murid yang berterusan sepanjang tahun sehingga mencapai objektif untuk melahirkan golongan '*avid reader*' iaitu pembaca yang bersemangat dan paling banyak membaca. Program ini dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh negara pada tahun 1999 melalui **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998** bertarikh **22 Mei 1998** (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

Mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998, semua murid bermula Tahun Satu di sekolah rendah dan Tingkatan Satu atau peralihan di sekolah menengah harus terlibat dalam aktiviti galakkan membaca sehinggalah tamat

persekolahan. Di dalam pelaksanaan program ini, semua murid dikehendaki mempunyai rekod bacaan masing-masing yang perlu disahkan oleh guru mata pelajaran, guru kelas atau guru-guru lain. Pada penghujung akhir tahun persekolahan guru kelas akan menjumlahkan bilangan buku yang dibaca oleh murid di samping membuat catatan ringkas tentang bahan yang dibaca dalam rekod berkenaan. Data atau maklumat ini akan direkodkan sehinggalah murid tersebut menamatkan persekolahannya sebelum pengiktirafan diberikan.

Program Nilam mempunyai dua tahap. Pada tahap pertama ialah untuk membina kemahiran dan menanam minat membaca sehingga terbentuk satu tabiat. Tahap ini dikenali sebagai **JAUHARI**. Pada tahap ini, pengiktirafan berupa **gangsa, perak, emas** dan **NILAM**. Pemberian pengiktirafan ini dibuat berdasarkan bilangan buku yang dibaca. Lihat jadual 1.1 di bawah.

Jadual 1.1: Sistem Pengiktirafan **JAUHARI**

Jumlah Bacaan / Buku	Pengiktirafan
90 hingga 179	Gangsa
180 hingga 269	Perak
270 hingga 359	Emas
760 ke atas	NILAM

Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan: Buku Panduan Pelaksanaan Program NILAM, (1998)

Pada tahap ini, semua aktiviti yang dijalankan menjurus ke arah penguasaan kemahiran membaca dan memupuk tabiat membaca yang berterusan. Menurut Kamaruddin Husin dan Siti Hajar Abdul Aziz (1997), kemahiran membaca merupakan proses yang dinamik tetapi kompleks. Menurut mereka lagi, kemahiran membaca ini meliputi keupayaan membaca dengan pantas, memahami fakta, kebolehan meningati fakta serta membuat interpretasi

secara bijak dan analitis. Oleh itu pada peringkat JAUHARI, pengiktirafan yang diberikan akan direkodkan ke dalam Buku Rekod Kemajuan Murid, Sijil Berhenti Sekolah dan Surat Akuan Sekolah.

Tahap kedua pula ialah **RAKAN PEMBACA (RP)**. Pengiktirafan yang sama masih diberi. Pada tahap ini pula, hanya akan dilaksanakan sekiranya tahap pertama sudah sempurna dilaksanakan. Tahap RP hanya akan disertai oleh murid sekiranya berjaya membaca lebih daripada 100 buah buku. Tahap RP ini memberi penekanan kepada kebolehan murid membimbing dan menarik minat pelajar lain supaya membaca. Jadual 1.2 di bawah menunjukkan sistem penganugerahan Rakan Pembaca (RP).

Jadual 1.2: Sistem Pengiktirafan **Rakan Pembaca (RP)**

Jumlah Bacaan / Buku	Pengiktirafan
100 hingga 199	Gangsa
200 hingga 299	Perak
300 hingga 399	Emas
400 ke atas	NILAM

Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan: Buku Panduan Pelaksanaan Program NILAM, (1998)

Pada peringkat sekolah di negeri Sabah, terdapat beberapa program, projek dan aktiviti tambahan sebagai sokongan kepada Program NILAM. Kesemuanya ini telah dan sedang dilaksanakan. Program, projek atau aktiviti yang dimaksudkan ialah Projek Iqra', Program Amalan Sihat (MAS), Program Baca Untuk Tingkat Ilmu (BUKTI), Program UBI dan sebagainya. Antara program yang telah dijalankan ialah:

- i. Pertandingan membaca.
- ii. Bakul ilmu.

- iii. Memperkenalkan buku baru semasa perhimpunan.
- iv. Pertandingan bercerita, mengarang, syarahan, pidato dan kuiz.
- v. Anotasi buku.
- vi. Pinjaman buku secara pukal.
- vii. Balai bacaan, pondok bacaan, laluan ilmu.
- viii. Buku di tangan.
- ix. Bulan NILAM.
- x. Minggu NILAM.
- xi. Hari NILAM.
- xii. Khemah membaca.
- xiii. Pertandingan peta minda.
- xiv. Pertandingan buku skrap.
- xv. Pertandingan menulis sinopsis cerita.

Sumber : Bahagian Teknologi Pendidikan, Sabah (1995).

Semua aktiviti yang dirancang ini mengambil kira aspek-aspek yang merangkumi penyediaan bahan, peruntukan masa membaca, penglibatan semua warga sekolah termasuklah komuniti luar terutama ibu bapa murid. Pusat sumber sekolah sebagai pusat segala kegiatan gerakan galakan membaca.

Dalam pelaksanaan Program NILAM, terdapat tiga jenis aktiviti membaca yang dicadangkan, iaitu asas, pemupukan serta pengayaan. Namun begitu, sekolah diberi kebebasan untuk menjana pandangan dan idea membina dan memupuk pelbagai program atau aktiviti masing-masing yang difikirkan bersesuaian dengan budaya, prasarana serta konteks sesebuah sekolah tersebut.

Sebenarnya pelaksanaan Program NILAM mendapat banyak bantuan peruntukan daripada kerajaan untuk menjalankan aktiviti galakan membaca NILAM supaya objektifnya dapat dicapai. Menteri Pelajaran Datuk Hishammuddin Hussien, menyatakan Kementerian Pelajaran telah membelanjakan sebanyak RM5 juta untuk menyediakan bahan bacaan tambahan sejak dari tahun 2000 lagi (Pendidik, 2005). Menurut beliau lagi, sebanyak RM17 juta sudah pun dibelanjakan untuk pembelian bahan bacaan tambahan di Pusat Sumber Sekolah seluruh negara bagi tahun 2005.

Dalam pelaksanaan Program NILAM, jabatan yang bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan dan memantau status pelaksanaan Program NILAM di sekolah-sekolah ialah Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN). Pusat Kegiatan Guru (PKG) pula diberi peranan untuk memberi khidmat bantu dan latihan khusus tentang pelaksanaan Program NILAM kepada sekolah dan guru penyelarasan pusat sumber sekolah. Sementara buku panduan asas tentang pelaksanaan Program NILAM dibekalkan kepada setiap sekolah sebagai panduan dan rujukan.

Selain itu terdapat lagi program-program galakan membaca yang dilaksanakan pada peringkat kebangsaan. Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) bertanggungjawab dalam pelaksanaan yang dimulai pada tahun 1988. Maklumat seperti objektif, strategi pelaksanaan setiap program tersebut telah disampaikan melalui risalah, buku-buku panduan, pembentangan kertas kerja, dan surat-surat pekeliling. Konvensyen Pusat Sumber Sekolah (PSS) yang julung kalinya dibuat pada tahun 2000 diadakan pada Peringkat Kebangsaan yang mana sekolah-